

Inkues Muhammad Adib

Punca kematian diketahui hari ini

30 saksi sudah beri keterangan kejadian rusuhan di tapak kuil

Oleh Norrasyidah Arshad norrasyidah@bh.com.my

Shah Alam: Selepas hampir setahun kejadian menimpa Muhammad Adib Mohd Kassim, keputusan berhubung punca kematian anggota bomba itu pada 17 Disember lalu akan diketahui hari ini selepas 41 hari prosiding inkues berjalan.

Keputusan itu pasti dinantikan seluruh rakyat Malaysia bagi mengetahui punca kematian anggota bomba itu yang mengalami kecederaan parah dalam rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November tahun lalu.

Sejak prosiding dimulakan pada Februari lalu di hadapan Koroner Rofiah Mohamad, seramai 30 saksi

dipanggil termasuk beberapa pakar dan bapanya sendiri, Mohd Kassim Abdul Hamid serta 137 eksibit dikemukakan di mahkamah.

Prosiding di Mahkamah Koroner Shah Alam itu berjalan lancar bermula dengan saksi pertama hingga ke-23, namun ketika saksi ke-24, Pakar Forensik Patologi Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Ahmad Hafizam Hasmi, yang menjalankan bedah siasat mayat Muhammad Adib memberi keterangan, kecederaan dialami mangsa bukan disebabkan dipukul.

Berikutan keterangan saksi itu, peguam mewakili tiga pihak berkepentingan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta keluarga, Syazlin Mansor, meminta saksi itu memberi penjelasan lebih terperinci, sekali gus membuktikan teori dapatan.

Pihak JBPM, KPKT dan keluarga Muhammad Adib kemudian memanggil saksi luar iaitu Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr Shahril Abd Wahid, untuk membantu

pihaknya membuktikan kematian Muhammad Adib disebabkan dipukul serta turut mengemukakan hasil eksperimen dilakukan.

Isu perbezaan dua saksi itu menyebabkan pihak pendakwaan diketuai Faten Hadni Khairuddin membuat permohonan sehingga ke peringkat Mahkamah Tinggi bagi membolehkan pihaknya memanggil semula Dr Ahmad Hafizam untuk memberi keterangan semula.

Belum reda dengan perbezaan dua teori dapatan daripada pakar; berlaku satu lagi polemik apabila Syazlin membuat keputusan menarik diri daripada mewakili tiga pihak berkepentingan itu.

Bagaimanapun, Syazlin ketika ini kekal mewakili pihak keluarga.

Berikutan terdapat dua teori dapatan itu, Rofiah memutuskan pihaknya akan memanggil seorang pakar fizik bagi membantu pihaknya berhubung aspek pengiraan daya yang menjadi percanggahan antara dua saksi pakar terdahulu.

Pada 24 Julai lalu, Rofiah menutup prosiding inkues dan pada 21 Ogos pula, beliau menetapkan hari ini tarikh keputusan prosiding inkues kematian Muhammad Adib.

Kronologi kes Adib

26 November 2018: Tercetus pergaduhan membabitkan dua kumpulan berhubung isu pemindahan tapak kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Seafeld, Subang Jaya, jam 3 pagi. 18 kenderaan terbakar dan 700 anggota keselamatan digerakkan bagi mengawal keadaan.

» Ketua Polis Negara Tan Sri Mohamad Fuzi Harun ketika itu umum polis tahan 17 lelaki dan adakan kawalan 24 jam, orang ramai yang berkumpul di sekitar kuil diarah bersurai.

27 November: Muhammad Adib dikatakan diserang dan pukul hingga parah dan jentera bomba dirosakkan selain dua kenderaan lain dibakar.

» Dimasukkkan ke unit jagaan rapi di Pusat Perubatan Ramsay Sime Darby, Subang Jaya, kira-kira jam 1 pagi, sebelum dipindahkan ke Institut Jantung Negara (IJN), pada keesokan malamnnya.

» Ketua Polis Selangor beri jaminan keadaan terkawal. Menteri di JPM P Waytha Moorthy minta semua masyarakat India bertenang. Perdana Menteri tegaskan insiden berunsur jenayah bukan perkauman atau agama.

28 November: Badan Bertindak Kuil Sri Maha Mariamman dakwa Muhammad Adib parah akibat kemalangan jalan raya.

» Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tubuh jawatankuasa khas siasat kejadian.

29 November: Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun tegaskan dakwaan pihak kuil adalah tidak betul.

4 Disember: Selepas seminggu dirawat, Muhammad Adib beri tindak balas kepada orang sekeliling, tetapi masih tidak dapat bertutur.

5 Disember: Sistem sokongan kepada mesin Extracorporeal Membrane Oxygenation (ECMO) yang membantu fungsi paru-paru. Jantungnya juga mampu berfungsi dengan sendiri tanpa sokongan mesin bantuan.

7 Disember: Keadaannya tunjuk perkembangan positif walaupun masih kritikal dan stabil selain tidak bergantung kepada mesin sokongan jantung.

8 Disember: Masih bergantung beberapa mesin sokongan untuk memastikan organ dalamannya dapat dipulihkan pada tahap optimum.

10 Disember: Memberikan respons dengan menulis pada papan putih untuk berkomunikasi.

15 Disember: Terpaksa menggunakan semula mesin ECMO kira-kira jam 9 malam selepas penilaian mendapati paru-parunya mula mengeras.

16 Disember: Kesihatannya kembali merosot dan kritikal. IJN memaklumkan selepas penilaian menyeluruh, paru-parunya menunjukkan tanda-tanda konsolidasi dan pengerasan tisu, menjadikan pertukaran gas tidak berkesan.

17 Disember: Muhammad Adib disahkan meninggal dunia jam 9.41 malam.

18 Disember: Jenazah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Kampung Tebengau, Kuala Kedah kira-kira jam 1.45 petang.

27 Disember: Menteri Dalam Negeri maklum Peguam Negara akan arahkan Majlisret membuat inkues bagi menentukan sebab kematian Muhammad Adib.

18 Januari: Mahkamah Koroner tetapkan 11 Februari hingga 12 April sebagai tarikh prosiding inkues.

24 Julai: Mahkamah Koroner Shah Alam putuskan menamatkan sesi prosiding inkues setelah berlangsung selama 41 hari.

» Sepanjang prosiding, seramai 30 saksi terdiri daripada saksi pakar dan awam dipanggil serta 137 eksibit dikemukakan.

21 Ogos: Mahkamah Koroner menetapkan 27 September sebagai tarikh keputusan prosiding inkues kematian Muhammad Adib.



Rofiah melawat ke Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya pada 12 Februari lalu bagi melihat jentera yang terbabat dalam insiden rusuhan di tapak kuil, di Subang Jaya.